

StarMetro 2/4/22 (Friday) p 4

## DBKL resurfaces roads at Wangsa Maju flats

ROAD resurfacing at the Section 4 flats in Bandar Baru Wangsa Maju, Kuala Lumpur, has been completed.

However, the work involved only areas under Kuala Lumpur City Hall's (DBKL) jurisdiction which consists of four parcels, namely Delima, Intan, Baiduri and Berlian.

Wangsa Maju MP Datin Paduka Dr Tan Yee Kew's special assistant Andre Lai said complications arose as certain roads were under the flat's management committee (MC).

"The roads were supposed to be handed over to the MC but it didn't happen.

"It has been in a state of neglect for many years and when we highlighted the matter to DBKL's Civil Engineering and Drainage Department, they agreed to pave

the roads," he said.

During a site visit, Dr Tan pledged to allocate funds for urgent works on roads inside the flats compound.

"Resurfacing of roads under the MC will be conducted after DBKL completes its works, including repainting the lines for parking bays," said Lai.

Intan block MC member Juslahudin Buhari is thankful to Dr Tan's office for agreeing to resurface roads that are not under DBKL's jurisdiction.

"Some of the infrastructure had not been maintained for 35 years.

"The roads are damaged and tree roots jut out from the pavement.

"Road markings are also faded, including the parking bays so motorists park haphazardly," he added. — By JAROD LIM



DBKL resurfacing roads under its jurisdiction at the Wangsa Maju flats.

DBKL akan sediakan lima pintu masuk untuk pengunjung

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

**S**usulan aduan dan rungutan daripada peniaga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil keputusan untuk membuka pagar besi yang dipasang di sekeliling Bazar Aidilfitri 2022 di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR).

DBKL akan membuka pagar tersebut sebelum Sabtu. Datuk Bandar Kuala Lumpur berkata, sebanyak lima pintu masuk bagi laluan pengunjung dengan kawalan penguatkuasaan dan keselamatan oleh DBKL.

Menurutnya, pemasangan pagar yang dibuat sebelum ini bagi memudahkan mengawal pengunjung dan mengurangkan risiko

jangkitan Covid-19 susulan bazar berkenaan mendapat perhatian dan menerima kunjungan ramai setiap tahun.

“Menjelang akhir Ramadan tahun lepas, jumlah pengunjung tertinggi pada satu-satu masa mencapai 20,000 orang dan menjangkakan bilangan pengunjung ke bazar ini akan menjadi lebih ramai.

“Sebagai pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab terhadap bazar ini, DBKL perlu memastikan operasi bazar ini berjalan dengan teratur dan memastikan semua pihak mematuhi SOP



MAHADI

kesihatan awam yang digariskan.

“Jika tiada pagar, pemantauan menjadi sangat sukar dan menjadi bercelaru apabila bilaangan pengunjung yang hadir ke bazar adalah tinggi,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas bantahan peniaga susulan pemasangan pagar di sekitar bazar berkenaan.

Jelasnya, DBKL bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan terutamanya dalam aspek keselamatan melalui pemantauan CCTV

dan kawalan di lapangan oleh anggota penguatkuasa DBKL.

“Seramai 400 anggota akan bertugas dan berada di lapangan melalui tiga syif melibatkan anggota penguasa termasuk petugas trafik.

“DBKL menasihat dan mengingatkan kepada semua peniaga supaya memberikan kerjasama yang sepenuhnya dengan mematuhi segala arahan yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran pengurusan bazar,” katanya.

Sebelum ini, para peniaga di Bazar Aidilfitri Jalan TAR berasa kecewa dan terkilan dengan tindakan DBKL kerana memasang pagar besi yang ketinggiannya melepas paras kepala di kawasan berkenaan.

Rata-rata peniaga

berpandangan pemasangan pagar itu bukan satu keperluan kerana negara kini dalam peralihan fasa endemik pada 1 April lalu.

Pada Februari lalu, Mahadi memaklumkan Bazar Aidilfitri Jalan TAR akan beroperasi seperti biasa mengikut SOP Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan.

Tambah beliau, DBKL akan melonggarkan sedikit kawalan SOP di tapak bazar berkenaan berbanding tahun lepas termasuk tidak lagi memasang pagar di sekeliling kawasan itu.

Bagaimanapun, pemakaian pelitup muka, mengimbas MySejahtera dan menetapkan penjarakan fizikal antara gerai penjaja tetap dilaksanakan.

# DBKL buka pagar besi Bazar Aidilfitri Lorong TAR